

11 MAY 1999

Taha-Kunjung

NAIB PRESIDEN IRAQ KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Iraq Taha Yaseen Ramadhan hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Duta Iraq ke Malaysia Adnan Malik Al-Ghazali dan Setiausaha Bahagian Kementerian Luar bagi Asia Barat, Afrika dan Persidangan Islam Datuk Deva Mohd Ridzam turut hadir pada pertemuan satu jam itu.

Deva Mohd Ridzam memberitahu pemberita kemudian bahawa Taha memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru di Iraq dan bagaimana rakyat Iraq menghadapi sekatan ekonomi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Iraq sedang berusaha agar sekatan PBB itu yang dikenakan sejak sembilan tahun lalu ditarik balik.

Kedua-dua pemimpin juga berbincang mengenai kerjasama dua hala, kata Deva Mohd Ridzam.

Taha, yang tiba di sini Ahad lepas, sedang dalam rangka lawatan empat hari bertujuan mengukuhkan hubungan dengan Malaysia.

Beliau merupakan pemimpin Iraq yang paling kanan untuk melawat Malaysia sejak kedua-dua negara mewujudkan hubungan diplomatik 35 tahun yang lalu.

Taha dijadual berlepas ke Hanoi esok.

-- BERNAMA

AFY AKD